

BN ghairah

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

laksana projek

KOTA BHARU — Dengan perasaan ghairah dari kemenangannya dalam pilihanraya negeri 1978, Barisan Nasional telah menjalankan berbagai-bagai program bercorak sosio-ekonomi serta langkah-langkah menyingkirkan saki baki PAS di Kelantan.

Sambil mengukuh bahawa langkah-langkah kerajaan itu sangat wajar terutama yang bercorak pembangunan, para pemerhati menganggap setengah-setengah darinya tidak sesuai dengan kehendak rakyat.

Mereka berkata, sebahagian dari program-program itu dilaksanakan terlalu mendadak malahan ada juga antaranya yang berbau dendam terhadap musuh politik mereka.

Sebagai contoh, kata para pemerhati itu ialah langkah Kerajaan Barisan Nasional, hanya dua bulan selepas memegang kuasa, menyingkirkan semua penghulu yang dilantik oleh Kerajaan PAS dahulu.

Kerajaan telah tidak mengambil kira hakikat bahawa setiap orang penghulu itu sekurang-kurangnya mempunyai 50 orang pengikut yang setia dan berkemampuan pula menarik simpati orang ramai.

Kerajaan BN menyingkir sebilangan besar imam tua dan imam muda masjid, menarik balik tauliah mengajar agama sebilangan besar guru agama dan menyingkir atau menghukum mana-mana pegawai atau kakitangan yang terkenal menyokong kuat PAS.

Kerajaan Barisan juga dikatakan menganak-tirikan beberapa kawasan yang diketahui merupakan kubu kuat PAS dengan menepikan kawasan-kawasan itu dalam pembahagian nikmat pembangunan seperti bekalan elektrik dan lain-lain kemudahan asas seperti jalan raya dan jambatan.

Anak tiri

Di setengah-setengah kawasan, tiang elektrik ditanam sebelum pilihanraya 1978 tetapi bekalan tenaga hanya sampai kepada kawasan itu beberapa hari sebelum pilihanraya yang baru lalu. Ini dilihat oleh penduduk-penduduk berkenaan sebagai 'muslihat' untuk memancing undi semata-mata.

Kerajaan Barisan juga menyingkir sebilangan peneroka di-27 buah rancangan tanah yang semasa PAS dikenali sebagai Lembaga Kemajuan Tanah Negeri (LKTN), tetapi diubah nama oleh Barisan kepada Perbadanan Kemajuan dan Pemulihan Tanah

Kelantan Darul-naim (Takdir) kerana diketahui menyokong PAS.

Jentera-jentera kerajaan terutama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dikatakan menganak-tirikan orang-orang PAS di dalam pembahagian baja di bawah skim subsidi baja padi dan pembahagian bantuan di bawah skim rancangan pemulihan kampung.

Orang-orang PAS sekali lagi merasa dianak-tirikan dalam pemilihan peserta rancangan tanah yang giat dibuka di sebelah Kelantan Selatan oleh KESEDAR, Felra, Felra dan Risda.

Mereka dikatakan tidak mendapat peluang langsung untuk menyertai rancangan-rancangan KESEDAR.

Menjelang pilihanraya umum baru-baru ini, kerajaan negeri dikatakan telah menghantar keluar negeri di bawah rancangan melawat sambil belajar para penyelia atau penolong penyelia yang diketahui cenderung kepada PAS.

Langkah tersebut yang mungkin dilakukan untuk mengelakkan mereka dari mempengaruhi para peneroka telah dianggap sebagai satu bentuk diskriminasi sehingga menghilangkan peluang untuk penyelia-penyelia itu mengundi.

Kerajaan negeri telah juga mengambil balik tanah rakyat di beberapa tempat termasuk Pengkalan Chepa, Tanah Merah, Kuala Kerai, Gua Musang, Bachok dan Jeli untuk melaksanakan projek pembangunan.

Langkah tersebut menimbulkan berbagai-bagai reaksi dan tafsiran termasuk dari segi faedah yang akan diperolehi oleh rakyat terutama orang-orang Melayu dari rancangan yang dijalankan di kawasan-kawasan itu.

Walaupun kerajaan membayar pampasan bagi pengambilan balik tanah itu, kadar yang dibayar itu boleh digunakan sebagai satu isu oleh pihak pembangkang lebih-lebih lagi bila dibandingkan dengan harga tanah sekarang.

Para pemerhati itu juga berkata, langkah kerajaan dalam mengisi kekosongan jawatan penghulu, imam, guru agama dan mubaligh dibuat secara tergesa-gesa sehingga tidak memikirkan sama ada mereka boleh diterima oleh rakyat atau tentang kebelaahan mereka yang dilantik itu.

Projek-projek pembangunan fizikal seperti gudang-gudang perniagaan turut dipersiapkan dari segi sesuai atau tidak untuk rakyat Kelantan dan kesan tempo pembangunan yang terlalu pesat itu.